

14 MAY 2002

MIC SERAH PADA PM UNTUK SELESAIKAN ISU PELAJAR INDIA KE IPTA, KATA SAMY

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- MIC akan menyerahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menyelesaikan masalah berhubung kemasukan pelajar India ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata perkara itu perlu diberi perhatian memandangkan ianya melibatkan masa depan pelajar India di negara ini.

"Saya tidak tahu sama ada PM boleh tolong atau tidak. Kita akan bangkitkan isu ini kepada Jemaah Menteri dan kepada perhatian PM selepas beliau kembali dari Amerika Syarikat", katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Penganugerahan UPSR Pingat Presiden, Mengisi Tabung AIMST dan Pelancaran Laman Web Pemuda MIC Selangor di Bangi, dekat sini, hari ini.

Samy Vellu berkata sistem kuota perlu diamalkan dalam pengambilan pelajar ke universiti tempatan memandangkan pelajar India masih tidak dapat bersaing dengan pelajar Melayu dan Cina dalam beberapa aspek.

Katanya, walaupun Dr Mahathir telah menerangkan mengenai sistem merit dan kriteria pengambilan pelajar sebelum berlepas ke luar negara, namun katanya perkara itu boleh dibincangkan semula demi kepentingan dan masa depan pelajar yang berkenaan.

Beliau berkata pembatalan sistem kuota telah mengakibatkan penurunan angka kemasukan pelajar India ke universiti tempatan dari tujuh hingga lapan peratus kepada kurang daripada empat peratus tahun ini.

-- BERNAMA

GK DC RHM